

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XIV)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

23. Adakah Kerajaan Negeri akan menaiktarafkan *Penang Free Wifi* untuk menambah baik komunikasi digital seluruh negeri?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

23. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menaik taraf *Penang Free Wifi* (PFW) bagi menambah baik komunikasi digital di seluruh Negeri Pulau Pinang dengan memperincikan keperluan teknikal melalui perbincangan dengan beberapa pihak yang berminat untuk menyediakan kemudahan tersebut. Malah, kajian kepuasan pelanggan mengenai PFW bagi tahun 2018 akan dilaksanakan dalam masa terdekat oleh penyedia perkhidmatan PFW sedia ada memandangkan kajian terdahulu dilakukan kali terakhir pada tahun 2016. Perkhidmatan PFW tidak terhad kepada penyedia perkhidmatan sedia ada tetapi adalah terbuka kepada mana-mana pihak yang berminat untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam memastikan kualiti perkhidmatan yang lebih baik di masa akan datang.